

## 545 pelesit rempit ditahan terlibat lumba haram di Butterworth

19 Disember 2017



SEBAHAGIAN daripada motosikal milik 545 pelesit rempit yang diperiksa di Seberang Perai semalam.

## 545 pelesit rempit ditahan terlibat lumba haram di Butterworth

**SEBERANG PERAI** - Keseronokan sekumpulan pelesit rempit berlumba tidak ke mana apabila mereka ditahan dalam satu operasi di Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth (BORR) di sini semalam.

Dalam operasi yang bermula pukul 4 petang kelmarin hingga 4 pagi semalam itu, sebanyak 545 pelesit rempit diarah menolak motosikal masing-masing sejauh 4 kilometer menuju ke Balai Polis Butterworth di sini untuk disiasat.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Nor berkata, kesemua mereka berusia antara 18 hingga 25 tahun.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan pihaknya telah menyita sebanyak 27 buah motosikal dan menahan penunggang lelaki dalam operasi tersebut.

"Sebanyak 335 notis saman telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan seperti tiada lesen memandu, lesen moto-

sikal tamat tempoh, ubah suai kenderaan, tiada nombor pendaftaran, tiada cermin sisi dan penunggang di bawah umur 16 tahun.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati 18 daripada yang ditahan positif dadah," katanya ketika dihubungi semalam.

Operasi yang melibatkan 100 anggota polis itu mendapat kerjasama daripada Agensi Antidadah Kebangsaan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.